

TARIKH : 30 NOVEMBER 2022
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 27

Terengganu mendahului projek ECRL

Terengganu mendahului projek ECRL

Catat kemajuan kerja lebih tinggi hampir 44 peratus berbanding jajaran tiga negeri lain

KUALA TERENGGANU

Kerja-kerja pembinaan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) di Terengganu sudah mencapai kemajuan sebanyak 43.96 peratus setakat Oktober lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Kemudahan Awam, Utiliti dan Teknologi negeri, Dr Mamad Puteh berkata, perkembangan tersebut sudah mengatasi kemajuan keseluruhan projek ECRL iaitu 35.9 peratus.

Beliau berkata, berdasarkan perkembangan itu, pihaknya yakin projek berkenaan dapat disiapkan dalam masa ditetapkan iaitu pada 2026.

"Status kemajuan bagi daerah Dungun melibatkan kerja fizikal telah siap dibina merangkumi 20 kilometer kerja-kerja tanah dan pembinaan dua terowong iaitu sepanjang 851 meter di Bukit Bauk serta 1,110 meter di Paka.

"Oleh itu, kerja-kerja pembinaan stesen kereta api di Dungun dijangka dapat dimulakan tahun depan, sekarang di peringkat kerja reka bentuk," katanya dalam sesi soal jawab persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu di Wisma Darul Iman di sini, pada Selasa.



MAMAD PUTEH

Mamad menjawab pertanyaan Alias Harun (Pas-Rantau Abang) mengenai status kemajuan pembangunan ECRL di Terengganu khususnya di Dungun.

Menjawab pertanyaan tambahan Alias mengenai perbandingan kemajuan projek ECRL di negeri lain, Mamad berkata, Terengganu telah mencapai perkembangan paling tinggi berbanding Pahang iaitu sebanyak 33.2 peratus, Kelantan 41.6 peratus dan Selangor 2.13 peratus.

"Kemajuan ini adalah hasil kerjasama baik oleh jabatan-jabatan terlibat dengan Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL). Kita tahu mereka selalu mengadakan mesyuarat bagi memastikan kerja-kerja berjalan lancar," katanya.

Enam stesen ECRL di



Terengganu akan mempunyai enam stesen ECRL iaitu dua stesen penumpang dan kargo serta empat stesen penumpang.

Terengganu melibatkan dua stesen penumpang dan kargo di Dungun serta Chukai dan empat stesen penumpang di Jerth, Bandar Permaisuri, Kuala Terengganu serta Kemasek.

Projek ECRL sepanjang 665 kilometer melibatkan jajaran iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang dan Selangor dibina dengan reka bentuk bebas daripada bencana banjir. -Bernama